

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI
YANG DIPERTUA BAKTI
DI PERASMIAN MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE-11
DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI SELASA, 28HB. JUN, 1988
PUKUL 2.00 PETANG

Yang Berhormat Dato Napsiah Omar,
Menteri Perusahaan Awam;

Yang Amat Berbahagia Puan Hajah Asmah Awang,
Naib Yang Dipertua BAKTI;

Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah Aziz,
Menteri Perdagangan dan Perindustrian;

Yang Amat Berbahagia
Tun Rahah dan Toh Puan-Toh Puan;

Yang Berbahagia Encik Kamal Al Yafii,
Juru Odit BAKTI;

Yang Berbahagia Ahli-ahli BAKTI dan
Ahli-ahli Bersekutu BAKTI;

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Illahi atas limpah kurniaNya kepada kita untuk berkumpul semula dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung BAKTI yang kesebelas petang ini.

2. Saya mengalu-alukan ketibaan saudari-saudari dan saudara sekalian dan mengucapkan terima kasih atas kesudian melapangkan masa untuk hadir. Bagi pihak BAKTI dan diri saya, saya mengalu-alukan khas kesudian Yang Berhormat Dato Napsiah Omar, Menteri Perusahaan Awam Malaysia menjadi tetamu khas kita walaupun banyak lagi urusan-urusan penting negara perlu beliau tentukan.

...Sebagai/-

3. Sebagai amalan biasa BAKTI menjemput wanita-wanita kenamaan dari berbagai bidang melakukan perasmian Mesyuarat Agung dengan tujuan tetamu kehormat itu dikenali rapat oleh ahli-ahli BAKTI dan sebaliknya. Beliau juga dijemput memberi ucapan yang boleh membawa manfaat kepada kita bersama.

4. BAKTI berbangga atas kehormatan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato Napsiah kerana telah menerima jemputan BAKTI, untuk menjadi tetamu kehormat. Beliau adalah tokoh wanita yang berkaliber dan berjiwa tinggi. Dengan kelengkapan ijazah dalam sains Rumah Tangga dari Australia dan Masters (Nutrition Education) dari Cornell University, New York, beliau pulang ke tanahair untuk memegang

... Jawatan-Jawatan/-

Jawatan-Jawatan di bidang Home Economics di Universiti Pertanian Malaysia. Di samping memegang Jawatan Pensyarah pada tahun 1972, meningkat Jawatan kepada Ketua dan Profesor Madya di Jabatan Pengajian Pembangunan Manusia, akhirnya pada tahun 1982 di Universiti Pertanian Malaysia, beliau bertanggungjawab atas kurikulum Kursus Diploma Home Technology dan Juga Kursus B.Sc (Pengajian Pembangunan Manusia) di Fakulti Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia. Beliau juga Penasihat kepada Penggubalan Kurikulum Sains Rumah Tangga bagi Sekolah Menengah, Kementerian Pendidikan. Dalam Organisasi antarabangsa pula, beliau adalah Perunding bagi UN Population Development programmes di Malaysia.

...Menyahun/-

5. Menyahut seruan bagi wanita profesional berkecimpung dengan politik supaya menjadi pemimpin yang berkualiti, Profesor Madya Napsiah Omar meletakkan Jawatannya dan terus melibatkan diri dalam UMNO pada tahun 1982. Sebagaimana pesatnya beliau meningkat di bidang profesional, begitu juga beliau meningkat dalam bidang politik UMNO. Beliau diterima oleh masyarakat dan dilantik sebagai Ketua Wanita Cawangan, Ketua Wanita Bahagian Kuala Pilah, Ahli EXCO Wanita Kebangsaan, Ahli Majlis Tertinggi UMNO (lama) dan sekarang Ahli Majlis Tertinggi UMNO (baru) dan Naib Ketua Wanita UMNO (baru) Kebangsaan. Syabas dan ucapan tahniah diucapkan atas pencapaian yang cemerlang.

...Dari/-

6. Dari segi sosial pula, Profesor Madya Napsiah memegang beberapa jawatan dalam badan-badan sukarela yang berkaitan dengan wanita dan beliawanis. Beliau ahli Jawatankuasa dalam Pengurusan Pembangunan Wanita Asean, dan sekarang ini memegang Jawatan Presiden, Persatuan Pandu Puteri Wilayah Persekutuan.

7. Tidaklah hairan kita sama turut berbangga atas kurniaan Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan kepada Profesor Madya Napsiah Omar bintang Darjah Setia Negeri Sembilan yang membawa gelaran "Dato'". Sekarang Yang Berhormat Dato' Napsiah memegang Jawatan Menteri Perusahaan Awam setelah menjadi Timbalan Menteri dahulu

...di Kementerian/-

di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebagai menteri wanita yang kedua dalam kerajaan. Dato' Napsiah menerima cabaran jawatan beliau dengan semangat yang kuat, dan kita yakin beliau akan buktikan kebolehan dan kegigihan beliau dalam tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

Para hadirin sekalian,

8. Yang Berhormat Dato Profesor Madya Napsiah Omar adalah suatu contoh ketabahan dan kesanggupan seorang ibu melakukan dua tugas dalam rumahtangganya sendiri di samping tugas-tugas negara. Beliaulah ibu, beliaulah bapa kepada 4 orang anak. Kepada kita yang memegang jawatan suri rumah sahaja sudah

...pening/-

pening kepala, tetapi Yang Berhormat Dato' Napsiah mudah-mudahan dikurniakan Allah Subhanahu Wataala dengan hati yang cekal, iman yang kuat dan kebolehan yang sempurna.

9. Sekali lagi kami mengucapkan syabas dan tahniah dan berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa memberi kesejahteraan dan rahmat kepada Yang Berhormat dan keluarga.

Yang Berhormat Dato',

10. BAKTI berusia 11 tahun kini. Syukur alhamdulillah, BAKTI dapat menjalankan urusan-urusannya dengan berkesan kepada masyarakat amnya. Pada sessi 87/88 sahaja,

...BAKTI/-

BAKTI telahpun menyumbangkan \$405,490.47 untuk kebajikan, \$68,250/- untuk mangsa-mangsa bencana alam dan \$72,095.50 sebagai dermasiswa seluruh Malaysia. Wang sejumlah \$545,835.97 yang ditaburkan adalah hasil daripada sumbangan para dermawan dalam projek Walkathon 1986 dan sepanjang tahun 1987 daripada rakan-rakan BAKTI. Kami amat bersyukur atas rezeki yang didapati itu dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang terlibat dari dua tahun dahulu.

11. Pada tahun ini, tibalah masa untuk mengutip wang semula bagi tujuan yang sama. Pada 2hb Julai, BAKTI akan mengadakan Majlis Malam Amal "Budi dan Bakti" untuk maksud itu

...bawah/-

bawah anjuran Pengerusi Projek Amal, Yang Berbahagia Datin Paduka Mahani dengan Ahli-ahli Jawatankuasanya. BAKTI bersyukur kerana setakat ini sambutan adalah menggalakkan dan ini adalah kerana usaha-usaha ahli-ahli BAKTI yang memenuhi satu daripada tujuan asas penubuhan BAKTI, contohnya mengembleng tenaga untuk berbakti. Orang berbudi kita berbakti. Oleh itu diharap semua para hadirin akan hadir memenuhi meja-meja (dengan bayaran, tentu sekali) supaya berjaya.

12. BAKTI tidak mengasingkan diri dari Badan-Badan Wanita yang lain di negara. Kami telah bermesra melalui badminton dengan badan-badan wanita utama dari negeri-negeri

... dan/-

dan menerima kunjungan daripada atau membuat lawatan kepada Badan-Badan Wanita. Pada bulan Ramadhan BAKTI telah bersama-sama dengan 37 Badan-Badan Wanita menyediakan bungkusan Hari Raya untuk 22,000 orang anggota Pasukan Keselamatan seluruh negara serta memperingati juga orang-orang tua dan kanak-kanak pada Hari Raya Aidilfitri yang lalu.

13. Harapan BAKTI bagi masa hadapan ialah supaya orang ramai meneruskan sumbangan ikhlas mereka dan mengeratkan lagi perhubungan baik mereka dengan BAKTI yang sentiasa mengambil berat terhadap golongan-golongan yang kurang bernasib baik dan memerlukan bantuan. Kami amat menyanjung

...tinggi/-

tinggi kepercayaan dan keyakinan para penderma kepada BAKTI dan kami memberi jaminan bahawa kutipan-kutipan ini tidak akan diberikan kepada sesiapa sahaja tanpa ujian dan siatan yang amat teliti, insya-Allah.

14. Saya mencatatkan penghargaan saya kepada Bendahari Kehormat, Pengerusi-Pengerusi Kebajikan, Bencana Alam dan Dermasiswa BAKTI dan tahniah kepada mereka kerana merekalah yang mengawasi, mengawali dan menyiasat perkara-perkara yang melibatkan kewangan BAKTI.

15. Tidak tertinggal ucapan penghargaan saya kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil yang lain

...yang/-

yang menjalankan tugas masing-masing dengan baik hinggalakan sempurna Majlis Mesyuarat Agung ini.

16. Semoga Allah SWT memberkati tugas kita untuk berusaha dengan ikhlas dan cergas demi kepentingan golongan-golongan yang kurang bernasib baik.

17. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Tetamu Kehormat BAKTI atas kesudian beliau menyerikan majlis ini dan juga kepada semua para hadirin.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

